

# PENGERTIAN KONSONAN

- Konsonan ialah bunyi-bunyi yang mungkin bersuara atau tidak bersuara.
- Ketika mengeluarkan bunyi konsonan, udara yang keluar dari paru-paru akan menerima sekatan, sempitan dan geseran sama ada di bahagian rongga mulut, tekak atau hidung.
- Konsonan juga boleh mempengaruhi vokal dalam sebutan bunyi. Ini berlaku dalam konsonan sengau, iaitu vokal disengaukan oleh konsonan itu. Proses ini dinamakan sengauan.

# JENIS KONSONAN

Konsonan terbahagi kepada dua bahagian:


- Konsonan Melayu asli
- Konsonan pinjaman

# Bunyi-bunyi konsonan Melayu asli

- Letupan dua bibir tidak bersuara [ p ]
- Letupan dua bibir bersuara [ b ]
- Letupan gusi tidak bersuara [ t ]
- Letupan gusi bersuara [ d ]
- Letupan langit lembut tidak bersuara [ k ]
- Letupan langit lembut bersuara [ g ]
- Hentian glotis [ ʔ ]
- Letupan langit keras gusi tidak bersuara [ t̚ ]
- Letupan langit keras bersuara [ d̚ ]
- Geseran gusi tidak bersuara [ s ]
- Getaran gusi bersuara [ r ]
- Geseran glotis bersuara [ h ]
- Sisian gusi bersuara [ l ]
- Sengau dua bibir bersuara [ m ]
- Sengau gusi bersuara [ n ]
- Sengau langit keras gusi bersuara [ ŋ ]
- Sengau langit lembut bersuara [ ŋ ]
- Separuh vokal dua bibir bersuara [ w ]
- Separuh vokal langit keras bersuara [ j ]

# Bunyi-bunyi Konsonan Melayu Pinjaman

- Geseran bibir gigi tidak bersuara [ f ]
- Geseran bibir bersuara [ v ]
- Geseran gigi tidak bersuara [ θ ]
- Geseran gigi bersuara [ ð ]
- Geseran gusi bersuara [ z ]
- Geseran langit keras tidak bersuara [ š ]
- Geseran langit lembut tidak bersuara [ x ]
- Geseran langit lembut bersuara [ ʒ ]




Cara sebutan		1 bibir	2 gusi	3 Gusi Lelangit keras	4 Lelangit keras	5 Lelangit lembut	6 Pita suara
Letupan	Tak Bersuara	p	t			k	ʔ
	Bersuara	b	d			g	
Letusan	Tak bersuara				č		
	Bersuara				ǰ		
sengauan		m	n			ŋ	
geseran	Tak bersuara		s				
	Bersuara						h
Getaran			r				
sisian			l				
Separuh vokal		w		Y/j			

# Cara-cara menghasilkan bunyi-bunyi konsonan melayu

- a. Konsonan letupan dua bibir tidak bersuara [ p ]
  - i. Dua bibir dirapatkan untuk membuat sekatan penuh pada arus udara dari paru-paru ke rongga mulut.
  - ii. Lelangit lembut dinaikkan ke belakang atau ke dinding rongga tekak untuk membuat sekatan udara dari paru-paru ke rongga hidung.
  - iii. Pita suara diregangkan
  - iv. Udara dari paru-paru keluar ke rongga mulut tanpa menggetarkan pita suara
  - v. Sekatan pada dua bibir dilepaskan serta-merta
  - vi. Bunyi yang dihasilkan ialah letupan konsonan dua bibir tidak bersuara [ p ]

Kedua-dua bibir  
dirapatkan



Lelangit lembut dan anak  
tekak dinaikkan

Arus udara


Pita suara tidak digetarkan

Rajah 2.19 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi konsonan letupan dua bibir tidak bersuara [ p ]

## b. Konsonan letupan dua bibir bersuara [ b ]

- i. Dua bibir dirapatkan untuk membuat sekatan penuh pada arus udara dari paru-paru ke rongga mulut.
- ii. Lelangit lembut dinaikkan ke belakang atau ke dinding rongga tekak untuk membuat sekatan udara dari paru-paru ke rongga hidung.
- iii. Pita suara dirapatkan
- iv. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dengan menggetarkan pita suara
- v. Sekatan pada dua bibir dilepaskan serta-merta
- vi. Bunyi yang dihasilkan ialah letupan konsonan dua bibir bersuara [ b ]





Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan

Arus udara

Rajah 2.20 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi konsonan letupan dua bibir bersuara [ b ]

## Bunyi konsonan letupan dua bibir tidak bersuara [ p ]

Di hadapan

Pasu [ pasu ]

Di tengah

apit [ apit ]

Di belakang

Atap [ atap ]

## Bunyi konsonan letupan dua bibir bersuara [ b ]

Di hadapan

Balik [ bale? ]

Di tengah

Sabun [ sabun ]

Di belakang

Rebab [ rebab ]

## C. Konsonan letupan gusi tidak bersuara [ t ]

- i. Hujung lidah dinaikkan rapat ke gusi untuk membuat sekatan penuh pada arus udara
- ii. Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang atau ke didinding rongga tekak untuk menutup arus udara ke rongga hidung
- iii. Pita suara diregangkan
- iv. Arus udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut tanpa menggetarkan pita suara
- v. Sekatan yang dibuat oleh hujung lidah dan gusi dilepaskan serta merta
- vi. Bunyi yang dihasilkan ialah Konsonan letupan gusi tidak bersuara  
[ t ]

## d. Konsonan letupan gusi bersuara [ d ]

- i. Hujung lidah dinaikkan rapat ke gusi untuk membuat sekatan penuh pada arus udara
- ii. Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang atau ke didinding rongga tekak untuk menutup arus udara ke rongga hidung
- iii. Pita suara dirapatkan
- iv. Arus udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dengan menggetarkan pita suara
- v. Sekatan yang dibuat oleh hujung lidah dan gusi dilepaskan serta merta
- vi. Bunyi yang dihasilkan ialah Konsonan letupan gusi bersuara [ d ]

# Bunyi perkataan Konsonan letupan gusi tidak bersuara [ t ]

Di hadapan

Tutup [ tutup ]

Tuntut [ tuntutan ]

Di tengah

Atas [ atas ]

Bakti [ bakti ]

Di belakang

Pahat [ pahat ]

Jahat [ jahat ]

# Bunyi perkataan Konsonan letupan gusi bersuara [ d ]

Di hadapan

Duduk [ duduk ]

Daun [ daun ]

Di tengah


Tanduk [ tanduk ]

Tunduk [ tunduk ]

Di belakang

Abjad [ abjad ]

Abad [ abad ]



Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan

Hadapan lidah dinaikkan ke gusi

Pita suara tidak digetarkan

**Rajah 2.21** Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan konsonan letupan gusi tidak bersuara [t]

## e. Konsonan letupan lelangit lembut tidak bersuara [ k ]

- i. Belakang lidah dirapatkan ke lelangit lembut untuk membuat sekatan penuh pada arus udara
- ii. Lelangit lembut dan anak tekak dirapatkan ke rongga tekak bagi menyekat arus udara dari paru-paru ke rongga hidung
- iii. Pita suara diregangkan
- iv. Arus udara yang keluar dari paru-paru melalui rongga mulut tanpa menggetarkan pita suara
- v. Sekatan udara yang dibuat oleh belakang lidah dilepaskan serta merta
- vi. Bunyi yang dihasilkan ialah konsonan letupan lelangit lembut tidak bersuara [ k ]

## f. Konsonan letupan lelangit lembut bersuara [ g ]

- i. Belakang lidah dirapatkan ke lelangit lembut untuk membuat sekatan penuh pada arus udara
- ii. Lelangit lembut dan anak tekak dirapatkan ke rongga tekak bagi menyekat arus udara dari paru-paru ke rongga hidung
- iii. Pita suara dirapatkan
- iv. Arus udara dari paru-paru yang keluar melalui rongga mulut menggetarkan pita suara
- v. Sekatan udara yang dibuat oleh belakang lidah dilepaskan serta merta
- vi. Bunyi yang dihasilkan ialah konsonan letupan lelangit lembut bersuara [ g ]



## Bunyi konsonan letupan lelangit lembut tidak bersuara [ k ]

Di hadapan

Kata [ kata ]

Kota [ kota ]

Di tengah

Akan [ akan ]

Akur [ akur ]

Di belakang

Cek [ cek ]

Budak [ budak ]

## Bunyi konsonan letupan lelangit lembut bersuara [ g ]

Di hadapan

Gali [ gali ]

Guru [ guru ]

Di tengah

Sagu [ sagu ]

Agar [ agar ]

Di belakang

Dialog [ dialog ]

Monolog [ monolog ]



**Rajah 2.22** Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi konsonan letupan lelangit lembut tidak bersuara [ k ]

## g. Hentian glotis [ ? ]

- i. Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang atau dinding rongga anak tekak untuk membuat sekatan udara dari paru-paru ke rongga hidung
- ii. Pita suara dirapatkan serapat-rapatnya
- iii. Arus udara yang keluar dari paru-paru dibiarkan tersekat di bahagian rapatan pita suara
- iv. Udara disekat oleh rapatan pita suara tanpa menggetarkan pita suara
- v. Bunyi yang dihasilkan ialah hentian glotis [ ? ] seperti dalam perkataan di bawah

Di hadapan

Anak [ ?ana? ]

Ikan [ ? ikan ]

Di tengah


Saat [ sa?at ]

Soal [ so?al ]

Di belakang

Budak [ buda? ]

Tidak [ tida? ]



Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan

Arus udara

Pita suara dirapatkan tanpa mengetarkannya

**Rajah 2.23** Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan hentian glotis [ ? ]

h, i. Konsonan letusan lelangit keras gusi tidak bersuara [č ] dan konsonan letusan lelangit keras gusi bersuara [ ]

- Hadapan lidah dinaikkan rapat ke lelangit keras untuk membuat sekatan pada arus udara.
- Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang atau ke dinding rongga tekak untuk membuat sekatan terhadap arus udara dari paru-paru ke rongga hidung.
- Pita suara diregangkan.
- Arus udara dari paru-paru melalui rongga mulut tanpa menggetarkan pita suara.
- Udara yang tersekat oleh hadapan lidah dengan lelangit keras dilepaskan perlahan-lahan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah konsonan letusan lelangit keras gusi tidak bersuara. [č ]

Untuk menghasilkan bunyi konsonan letusan lelangit keras gusi bersuara [ č ], caranya sama dengan menghasilkan konsonan letusan lelangit keras gusi tidak bersuara [ ʃ ], yang berbeza ialah:

- Pita suara dirapatkan.
- Arus udara yang keluar dari paru-paru melalui rongga mulut dengan menggetarkan pita suara.
- Bunyi yang dihasilkan ialah konsonan letusan lelangit keras gusi bersuara [ č ] seperti dalam perkataan-perkataan berikut:

*di hadapan*

jangan [ ʃ anɡan ]

juga [ ʃ uɡa ]

*di tengah*

janji [ ʃ an ʃ i ]

tajam [ ta ʃ am ]

*di belakang*

garaj [ gara ʃ ]

kolej [ kole ʃ ]

- Bunyi perkataan konsonan letusan lelangit keras gusi tidak bersuara [ ʎ ]:

*di hadapan*

Curi [ č uri ]

Cari [ č ari ]

*di tengah*


kunci [ kunč i ]

suci [ suči ]

*di belakang*

Mac [ mač ]

koc [ koč ]



Arus udara

Pita suara dirapatkan  
tanpa  
menggetarkannya

Lelangit lembut dan anak  
tekak dinaikkan

Rajah 2.24 Kedudukan alat-alat artikulasi semas menghasilkan konsonan letusan lelangit keras-gusi tidak bersuara [č ]

## f. Konsonan geseran gusi tidak bersuara [s]

- Hadapan lidah dinaikkan ke gusi untuk membuat sempitan pada arus udara.
- Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga tekak untuk menyekat arus udara dari paru-paru ke rongga hidung.
- Pita suara diregangkan.
- Arus udara dari paru-paru melalui rongga mulut tanpa menggetarkan pita suara.
- Udara keluar melalui sempitan depan lidah dan gusi untuk menghasilkan bunyi konsonan geseran gusi tidak bersuara [s] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

*di hadapan*

saya [saya]

sudah [sudah]

*di tengah*

susu [susu]

jasa [jasa]

*di belakang*

malas [malas]


tebas [tebas]



Hujung lidah dinaikkan

Arus udara

Pita suara tidak digetarkan



Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan

Rajah 2.25 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan konsonan geseran gusi tidak bersuara [ s ]

## j. Konsonan getaran gusi bersuara [r]

- Hujung lidah dikenakan pada gusi.
- Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga hidung.
- Pita suara dirapatkan.
- Arus udara melalui rongga mulut menggetarkan hujung hujung lidah.
- Bunyi yang dihasilkan ialah konsonan getaran gusi bersuara [r] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

*di hadapan*

rasa [rasa]

rusa [rusa]

*di tengah*

tiru [tiru]

lari [lari]

*dibelakang*


takbir [takbir]

ikrar [ikrar]

Hujung lidah kena pada gusi

Arus udara

Pita suara digetarkan



Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan

**Rajah 2.26** Kedudukan alat-alat artikulasi serana sa rnenghasilkan konsonan getaran gusi bersuara [ r ]

## k. Konsonan sisian gusi bersuara [l]

- Hujung lidah dinaikkan ke bahagian tengah gusi untuk membuat sekatan.
- Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga tekak untuk menyekat arus udara dari paru-paru ke rongga hidung.
- Pita suara dirapatkan.
- Arus udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dengan menggetarkan pita suara.
- Arus udara dibiarkan keluar melalui tepi lidah sahaja.
- Bunyi yang dihasilkan ialah konsonan sisian gusi bersuara [l] seperti dalam perkataan-perkataan berikut:

di hadapan

laju [laju]

labu [labu]

di tengah


talam [talam]

pilu [pilu]

di belakang

bekal [bekal]

dalal [dalal]



Udara melalui tepi lidah

Hujung lidah kena pada gusi

Arus udara

Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan

Pita suara digetarkan

**Rajah 2.27** Kedudukan alat-alat artikulasi sernasa rnenghasilkan konsonan sisian gusi bersuara [ l ]

# 1. Konsonan sengau dua bibir bersuara [m]

- Bibir bawah dan bibir atas dirapatkan untuk membuat sekatan pada arus udara.
- Lelangit lembut dan anak tekak diturunkan untuk memberi laluan arus udara dari paru-paru ke rongga hidung.
- Arus udara dari paru-paru masuk ke rongga mulut dan terus ke rongga hidung.
- Pita suara dirapatkan untuk membuat getaran.
- Arus udara dilepaskan perlahan-lahan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah konsonan sengau dua bibir bersuara [m] seperti dalam perkataan-perkataan berikut:

*di hadapan*

musuh [musuh]

muka [muka]

*di tengah*


demam [damam]

ambil [ambil]

*di belakang*

talam [talam]

kelam [kalam]



Bibir atas dan bawah dirapatkan

Arus udara keluar melalui rongga nasal

Arus udara ke rongga Hidung melalui rongga mulut

Pita suara digetarkan

Rajah 2.28 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan konsonan sengau dua bibir bersuara [ m ]

## m. Konsonan sengau gusi bersuara [n]

- Hujung lidah dinaikkan kepada gusi (gusi-gusi) untuk membuat sekatan udara.
- Lelangi lembut atau anak tekak diturunkan untuk memberi laluan pada arus udara dari paru-paru ke rongga hidung.
- Pita suara dirapatkan.
- Arus udara dari paru-paru melalui rongga mulut terus ke rongga hidung.
- Arus udara dilepaskan perlahan-lahan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah konsonan sengau gusi bersuara [n] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

*di hadapan*

nanah [nanah]

nama [nama]

*di tengah*

panas [panas]


panah [panah]

*di belakang*

lipan [lipan]

papan [papan]





Hujung lidah dirapatkan ke  
gusi

Arus udara

Pita suara digetarkan

Lelangit lembut dan anak  
Tekak diturunkan

Rajah 2.29 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan konsonan sengau gusi bersuara [ n ]

## n. Konsonan sengau lelangit keras gusi bersuara [ŋ]

- Depan lidah dinaikkan dan dirapatkan pada lelangit keras untuk membuat sekatan pada arus udara.
- Lelangit lembut dan anak tekak diturunkan untuk membuat laluan pada arus udara dari paru-paru ke rongga hidung.
- Piat suara dirapatkan dan digetarkan.
- Arus udara dari paru-paru melalui rongga mulut dan terus ke rongga hidung.
- Udara yang tersekat oleh depan lidah dan lelangit keras dilepaskan perlahan-lahan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah konsonan sengau lelangit keras gusi bersuara [ŋ] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

*di hadapan*

nyonya [ŋõã]

nyaris [ãris]

*di tengah*

lanyak [laã]


sunyi [suĩ]

*di belakang*

-

-

Rajah cara membunyikan konsonan sengau lelangit keras gusi bersuara [P]:



Rajah 2.30 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan konsonan sengau lelangit keras gusi bersuara [P]

# 1. Konsonan sengau lelangit lembut bersuara [ ŋ ]

- Belakang lidah dirapatkan ke lelangit lembut untuk membuat sekatan arus udara
- Lelangit lembut dan anak tekak diturunkan untuk memberi laluan kepada udara yang keluar dari paru-paru masuk ke rongga hidung.
- Pita suara dirapatkan dan digetarkan.
- Arus udara dari paru-paru melalui rongga mulut dan terus ke rongga hidung.

- Arus udara yang tersekat oleh belakang lidah dan langit-langit lunak dilepaskan perlahan-lahan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah konsonan sengau langit-langit lunak bersuara [ŋ] seperti dalam perkataan-perkataan berikut.

Di hadapan

Ngeri [ŋɛri]

Ngilu [ŋilu]

di tengah

pengakap [peŋakap]


tingkap [tiŋkap]

di belakang

dulang [dulan]

belang [belan]

Rajah cara membunyikan konsonan sengau lelangit lembut bersuara [ŋ]:



Rajah 2.31 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan konsonan sengau lelangit lembut bersuara [ŋ]

## m. Separuh vokal dua bibir bersuara[w]

- i. Bibir dibundarkan
- ii. Belakang lidah dinaikkan ke langit lembut.
- iii. Langit lembut dinaikkan ke belakang rongga tekak.
- iv. Pita suara digetarkan dan lidah bergerak dengan pantas ke kedudukan untuk menerbitkan vokal tengah [ə].
- v. Bunyi yang dihasilkan ialah separuh vokal dua bibir bersuara [ w ] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

Di hadapan

Warung [ waruŋ ]

wasiat [wasiat ]


di tengah

ketawa [ ketawa ]

lawas [ lawas ]

di belakang

takraw [ takraw ]



**Rajah 2.32** Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan separuh vokal dua bibir bersuara [ w |




# n. Separuh vokal lelangit keras bersuara [ j ]

- Depan lidah di angkat tinggi ke arah gusi.
- Bibir dihamparkan.
- Pita suara digetarkan sambil lidah bergerak pantas ke kedudukan untuk menerbitkan vokal tengah [ a ].
- Lelangit lembut dinaikkan ke belakang rongga tekak.
- Bunyi yang dihasilkan ialah separuh vokal lelangit keras bersuara [ j ] seperti dalam perkataan-perkataan berikut:

Di hadapan	di tengah	di belakang
Yatim [ jatim ]	bayang [ bajang ]	-
Yayasan [ jajasan ]	payah [ pajah ]	-

Rajah cara membunyikan separuh vokallelangit keras bersuara [j]:



Rajah 2.33 Kedudukan alat artikulasi semasa menghasilkan separuh vokal lelangit keras bersuara [j]

# Cara-cara menghasilkan bunyi konsonan pinjaman

- a. Geseran bibir gigi tidak bersuara [ f ] dan geseran bibir gigi bersuara [ v ].
  - i. Bibir bawah dirapatkan pada gigi atas untuk membuat sempitan.
  - ii. Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak untuk membuat sekatan udara dari paru-paru ke rongga nasal.
  - iii. Pita suara diregangkan dan tidak digetarkan

- iv. Arus udara yang keluar dari paru-paru melalui rongga mulut dibiarkan bergeser di kawasan sempitan.
- v. Bunyi yang dihasilkan ialah geseran bibir gigi tidak bersuara [ f ] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

Di hadapan

Fitnah [ fitnah ]

Fardu [ fardu ]

di tengah

sifar [ sifar ]

sifir [ sifir ]

di belakang

alif [ alif ]


taraf [ taraf ]

Untuk menghasilkan geseran bibir gigi bersuara [ v ] sama seperti menghasilkan geseran bibir gigi tidak bersuara [f],perbezaannya ialah:


- i. Pita suara dirapatkan dan digetarkan.
- ii. Bunyi yang dihasilkan ialah geseran bibir gigi bersuara [v] seperti dalam perkataan-perkataan berikut:

Di hadapan	di tengah	di belakang
Versi [ vɜrsi ]	universiti [ univɜrsiti ]	-
Varnis [ varnis ]	novel [ novel ]	-

Rajah cara membunyikan geseran bibir gigi tidak bersuara [ f ] dan geseran bibir gigi bersuara [ v ]:



**Rajah 2.34** Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan geseran bibir gigi tidak bersuara [ f ]



**Rajah 2.35** Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan geseran bibir gigi bersuara [ v ]

## b. Geseran gigi tidak bersuara [ θ ] dan geseran gigi bersuara [ θ ]

- i. Daerah gigi diletakkan antara gigi atas dan gigi bawah untuk membuat sempitan udara.
- ii. Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan rapat ke rongga tekak untuk menyekat arus udara.
- iii. Arus udara yang keluar dari paru-paru melalui rongga mulut, bergeser keluar di daerah sempitan depan lidah dan gigi.
- iv. Pita suara tidak digetarkan.



- Bunyi yang dihasilkan ialah geseran gigi tidak bersuara [θ] seperti dalam perkataan-perkataan berikut;


Di hadapan	di tengah	di belakang
Thalatha [ θalaθa ]	ithnin [ iθnin ]	hadith [ hadiθ ]
Thabit [ θabet ]	othman [oθman]	Harith [ hariθ ]

untuk menghasilkan geseran gigi bersuara [ð] sama seperti menghasilkan geseran gigi tidak bersuara [θ], perbezaannya ialah:


- Pita suara digetarkan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah geseran gigi bersuara [ ð ] seperti dalam perkataan-perkataan berikut;

Di hadapan	di tengah	di belakang
Dzalim [ alem]	hadzir [ hae r]	-

Rajah cara membunyikan geseran gigi tidak bersuara [ θ ] dan geseran gigi bersuara [ θ ]:



**Rajah 2.36** Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan geseran gigi tidak bersuara [ θ ].



**Rajah 2.37** Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan geseran gigi bersuara [1:]

c. Geseran lelangit keras tidak bersuara [š] terdapat dalam perkataan-perkataan berikut;

- i. Hadapan lidah dinaikkan antara gusi dan lelangit keras untuk membuat sempitan.
- ii. Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak untuk menyekat arus udara dari paru-paru ke rongga hidung.
- iii. Arus udara yang keluar dari paru-paru melalui rongga mulut dibiarkan bergeser di bahagian sempitan depan lidah dan gusi lelangit keras.
- iv. Pita suara tidak digetarkan.
- v. Bunyi yang dihasilkan ialah geseran lelangit keras tidak bersuara [š].

Di hadapan

Syabas [šabas]

Syahdu[šahdu]

di tengah


isytihar [lštihar]

isyak [išak]

di belakang

-

-



**Rajah 2.38** Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan geseran lelangit keras tidak bersuara [f] Jatau [ʃ]

#### d. Geseran lelangit lembut tidak bersuara [ x ] dan geseran lelangit lembut bersuara [ ɣ ]

- Belakang lidah dinaikkan dan dirapatkan ke rongga tekak untuk membuat sempitan.
- Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke rongga tekak untuk membuat sekatan udara dari paru-paru memasuki rongga hidung.
- Arus udara yang keluar dari paru-paru dibiarkan bergeser di kawasan sempitan belakang lidah dan lelangit lembut.
- Pita suara tidak digetarkan
- Bunyi yang dihasilkan ialah geseran lelangit lembut tidak bersuara [ x ] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

di hadapan

Khabar [ xabar ]

di tengah

akhirat [ axerat ]

di belakang

-

Untuk menghasilkan geseran lelangit lembut bersuara [ ʒ ], sama seperti menghasilkan geseran lelangit lembut bersuara [ x ], perbedaannya ialah:


- Pita suara digetarkan
- Bunyi yang dihasilkan ialah geseran lelangit lembut bersuara [ ʒ ] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

di hadapan  
Ghaib [ ʒaeb ]

di tengah  
loghat [ loʒat]


di belakang  
-

Rajah cara membunyikan geseran lelangit lembut tidak bersuara [ x ] dan geseran lelangit lembut bersuara [ ɣ ]:



Rajah 2.39 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan geseran lelangit lembut tak bersuara [x]





**Rajah 2.40** Kedudukan alat artikulasi semasa menghasilkan geseran lelangit lembut bersuara [h]

## e. Geseran gusi bersuara [ z ]


- Hujung lidah dinaikkan dan menyentuh sedikit bahagian gusi.
- Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga tekak untuk menyekat arus udara dari paru-paru ke rongga hidung.
- Arus udara yang keluar dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dan melalui sempitan di antara daun lidah dan gusi.
- Pita suara digetarkan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah geseran gusi bersuara [ z ]

Bunyi geseran gusi bersuara [ z ] terdapat dalam perkataan-perkataan yang berikut:

di hadapan  
zuriat [ zuriat ]

di tengah  
azam [ azam ]

di belakang  
lafaz [ lafaz ]



**Rajah 2.41** Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan konsonan geseran gusi bersuara [ɣ]